

UMS hasilkan cara mudah keluar baja bio

BH 19.8.2013 12

Kota Kinabalu: Kumpulan Penyelidikan Mikrobiologi dari Institut Penyelidikan Bioteknologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) membangunkan cara mudah untuk mengeluarkan baja bio daripada serat tandan buah kosong kelapa sawit (EFB) dalam masa 40 hari.

Penyelidik kanan, Dr Md Shafiquzzaman Siddiquee dan pela-

jar sarjana Nur Shafawati Sali, telah menjalankan penyelidikan menukarkan sisa industri kelapa sawit itu menjadi baja bio.

Menurut penyelidik kanan itu, ladang kelapa sawit Malaysia mewakili 41 peratus pengeluaran minyak sawit dunia dan menggunakan 4.5 juta hektar tanah. Serat kelapa sawit (batang, pelepah dan tandan buah kosong) dianggap

produk buangan utama.

Sisa produk

"Banyak sisa produk dihasilkan dan mengakibatkan masalah alam sekitar dan degradasi sistem eko dan menjejaskan kesihatan komuniti, dengan kos pelupusan yang semakin meningkat," kata Md Shafiquzzaman kepada Bernama, di sini.

Degradasi adalah proses penguraian sebatian yang kompleks kepada bentuk yang lebih ringkas.

Md Shafiquzzaman berkata jenis tertentu Trichoderma yang digunakan untuk mengurai EFB dalam penyelidikannya, mempunyai banyak kelebihan berbanding produk berasaskan tepung yang boleh didapati di pasaran

sekarang.

Katanya, penggunaan Trichoderma jenis ini dalam proses mengkompos, bukan hanya berperanan sebagai ejen pengawal biologi, tetapi juga antara lain mempercepatkan proses pengkomposan, mengawal penyakit tumbuhan, berupaya mengurai bahan kayu serta meningkatkan hasil pengeluaran.

Md Shafiquzzaman berkata baja kompos EFB adalah organik, mesra alam dan mendapat permintaan yang tinggi.